

FATIMAH bersama ibunya, Wan Limah Wan Ahmad melihat rumah mereka selepas dibaik pulih.

Raja Norain Hidayah
Raja Abdul Aziz
norain@hmetro.com.my

Pelan

Suaranya berubah menjadi sebak, kerap kali percakapannya terhenti dengan air mata yang dilihat bertakung di hujung matanya.

Semua itu sudah cukup menggambarkan rasa terharu dan gembira Fatimah Abdullah, 46, apabila melihat rumahnya di Kampung Kuala Pahang, dibaik pulih dan berhiwalah baru.

Malah, dia juga kelihatan teruja sewaktu membawa rombongan media dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) melihat keadaan rumahnya termasuk segala kelengkapan perabot baru seperti meja makan, set sofa serta meja belajar termasuk panel solar yang baru dipasang minggu lalu.

Fatimah antara 52 penduduk sekitar kampung berkenaan yang terpilih dalam Projek Facelift D' Kuala dilakukan UMP yang bertujuan mengubah landskap sosial masyarakat di Kuala Pahang.

Ibu kepada tiga anak itu berkata, dia sudah tinggal di rumah berkenaan sejak 40 tahun lalu dan menganggap kerja membaik pulih rumahnya tanpa dikenali sebarang bayaran ibarat bulan jatuh ke riba.

"Dulu, keadaan rumah ini agak teruk dengan lubang di lantai kayu dan sebahagian



Ubah landskap sosial

■ 52 penduduk terpilih Projek Facelift D' Kuala

HMIJAN METRO (TIMUR) 7/12/17 (CUKUMIS) M/S 44

besar struktur rumah disering anai-anai sehingga saya merasakan ia boleh roboh pada bila-bila masa, namun keadaan itu berubah sama sekali selepas pihak UMP membaiki rumah ini.

"Bumbung sudah diganti dengan yang baru, lantai rumah ditukar malah sudah ada permaidani, apa yang penting

anak-anak saya dapat belajar dalam keadaan yang selesa dan bersih tambahan pula dua anak saya akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tahun depan," katanya.

Projek Facelift D' Kuala adalah usaha UMP untuk mengubah wajah dan identiti Kuala Pahang sebagai perkampungan nelayan yang menyokong inisiatif

pendidikan pelancongan dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Sementara itu, ibu tunggal, Rohani Abdullah, 46, berkata, dia berterima kasih kepada keprihatinan pihak berkaitan yang membolehkan mereka sekeluarga dapat menikmati kehidupan lebih baik.

"Sebelum ini kami tinggal di rumah pusaka yang sudah usang dan rosak kerana dimakan anai-anai. Sekarang, rumah lebih selesa dan ada lima bilik, ada ruang untuk bercucuk tanam dengan menggunakan teknologi fertigasi.

"Ia membolehkan saya menambah pendapatan dengan menjual sayur ditanam sendiri, malah saya sedia mengikuti kursus disediakan UMP bagi meningkatkan produktiviti tanaman meng-

gunakan teknologi terkini," katanya yang menjaga ibunya, Selamah Ibrahim, 85, yang menghadapi penyakit angin ahmar.

Naib Canselor UMP Prof. Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, menerusi program dikendalikan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP atau Matahari itu, pihaknya mengecat rumah penduduk serta melancarkan kerja pembersihan, pengindahan, baik pulih dan pemasangan solar bagi memberi keselesaan kepada penduduk.

Daing Nasir berkata, Projek Facelift D' Kuala itu antara lain menyokong pembangunan Kompleks Medan Ikan Bakar dibangunkan UMP dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang mewujudkan peluang perniagaan makanan dikendalikan pengusaha kecil dan sederhana.

